



## PERUTUSAN HARI RAYA

**YBHG. DATO' SRI AZIZAN BIN AHMAD,  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**11 JUN 2018**

---

**ASSALAMUALAIKUMWARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.**

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, In sha Allah kita akan menyambut ketibaan Aidil Fitri yang bakal menjelang beberapa hari lagi.

Hari Raya Aidil Fitri yang juga dikenali sebagai “Hari Raya Puasa” disyariatkan oleh Allah SWT untuk umat Islam merayakannya. Ianya disambut menandakan kesyukuran Umat Islam di atas kejayaan mereka melaksanakan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan dan menandakan kemenangan mereka dalam perjuangan menahan hawa nafsu dari perkara-perkara yang ditegah sewaktu menjalani ibadah puasa.

Allah SWT berfirman di dalam Al Quran menerusi Ayat 185 Surah Al-Baqarah yang bermaksud “*Dan supaya kamu cukupkan bilangan puasa sebulan Ramadhan dan supaya kamu membesarkan Allah dengan Takbir dan Tahmid kerana mendapat petunjukNya dan supaya kamu bersyukur*”.

Umat Islam merayakan Hari Raya ini dengan penuh kesyukuran dan dengan pelbagai jenis amal bakti yang diredayai oleh Allah SWT di antaranya, Sembahyang Hari Raya, ziarah menziarahi di antara sesama mereka, bersedekah dan lain-lain lagi.

Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang akan mula bercuti panjang, di sini ada beberapa perkara yang saya harap akan diberikan perhatian.

Bagi yang akan pulang berhari raya di kampung halaman masing-masing, saya ingin turut berpesan agar tuan-tuan dan puan-puan agar sentiasa berhati-hati sewaktu pulang berhari raya di kampung. Pandu dengan cermat, patuhilah peraturan jalanraya dan pastikan kenderaan tuan-tuan dan puan-puan telah diselenggara terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan pulang ke kampung. Pastikan juga tuan-tuan dan puan-puan mendapat rehat yang secukupnya sebelum memulakan perjalanan jauh. Sentiasalah ingat kepada orang-orang yang tersayang yang menanti kepulangan kita.

Saya juga ingin menasihatkan tuan-tuan dan puan-puan agar berhati-hati apabila memandu terutamanya pada waktu malam dan dalam keadaan penglihatan terhad. Ini adalah untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan **hidupan liar**. Sila beri perhatian kepada tanda-tanda penyeberangan hidupan liar (*wildlife crossings*) yang dipaparkan di “hotspot” iaitu tempat kerap kemalangan dengan hidupan liar.

Hidupan liar seperti gajah dan tapir adalah khazanah negara yang menjadi kebanggaan kita, bersama-sama kita semua menjalankan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia untuk melindungi khazanah yang tidak ternilai ini.

Adalah diharapkan juga orang ramai akan terus memberikan sokongan dan membantu dengan menjadi mata dan telinga Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia melalui penyaluran maklumat dalam usaha melindungi khazanah negara supaya tidak diancam kepupusan. Maklumat boleh disalurkan melalui PERHILITAN Hotline 1-800-88-5151 (Isnin- Ahad, 8.00 pagi – 6.00 petang) atau e-aduan melalui laman web Jabatan [www.wildlife.gov.my](http://www.wildlife.gov.my).

Amalkan sikap bertimbang rasa semasa memandu. **Pandu Cermat Jiwa Selamat.**

**SYAWAL KINI MENJELANG TIBA;  
SETELAH BERPUASA DI BULAN RAMADHAN;  
AMPUN DAN MAAF DOA DIPINTA;  
SEMOGA UKHWAH TERUS BERKEKALAN.**

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Berpuasa dan **SELAMAT HARI RAYA, MAAF ZAHIR DAN BATIN** kepada segenap lapisan rakyat Malaysia.

Sekian, **WABILLAHI TAUFIK WAL HIDAYAH WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**

**TERIMA KASIH.**